

Pengawal keselamatan didakwa rogol anak tiri ditahan

LABUAN: Seorang pengawal keselamatan ditahan di Kampung Sungai Miri di sini Jumaat lepas kerana didakwa mencabul dan merogol anak tirinya berusia 16 tahun sejak tahun lalu.

Ketua Polis Labuan, Supt Muhammad Farid Ahmad, berkata lelaki berusia 42 tahun itu ditahan pada jam 1.10 tengah hari iaitu dua jam selepas mangsa membuat laporan polis.

Beliau berkata remaja itu mendakwa suspek merogolnya beberapa kali sejak tahun lalu di rumahnya di Kampung Sungai Bedaun di sini ketika ibunya keluar untuk bekerja.

Menurutnya, polis akan memohon perintah reman terhadap suspek dalam membantu siasatan kerana merogol dan menggunakan kekerasan jenayah dengan niat mencabul kehormatan mangsa berkenaan.

Sementara itu, seorang pengurus akaun di sini kerugian RM67,700 selepas terpedaya oleh tiga lelaki yang menyamar sebagai pegawai bank dan anggota polis, Khamis lalu.

Farid berkata mangsa wanita itu dihubungi oleh pegawai berkenaan pada jam 12.30 tengah hari dan memaklumkan penggunaan kad kredit mangsa telah melebihi had yang dibenarkan.

"Bagi mengemas kini akaun, lelaki tersebut meminta mangsa mendedahkan butiran peribadi, nombor akaun, kata laluan dan identiti akaun kononnya bagi tujuan siasatan." —Bernama